

MITEC kejayaan perkongsian awam-swasta

Kuala Lumpur: Naza Corporation Holdings Sdn Bhd (Kumpulan Naza), konglomerat Bumiputra terbesar Malaysia secara rasminya menyerahkan Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa (MITEC) bernilai RM628 juta kepada kerajaan.

Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, SM Nasarudin SM Nasimuddin berkata, Naza TTDI Sdn Bhd iaitu cabang hartanah Kumpulan Naza sudah berjaya menyiapkan bangunan ikonik dan berprestif terbaru itu mengikut jadual ditetapkan.

"MITEC adalah contoh kejayaan perkongsian awam-swasta iaitu melibatkan sektor swasta dan kerajaan. Kami amat berbangga dapat menyiapkan kemudahan RM628 juta ini dan membuktikan kemampuan melaksanakan



NAJIB menandatangani plak pada perasmian bangunan MITEC.

projek infrastruktur 'turn-key' (siap guna) utama," katanya ketika berucap pada majlis penyerahan itu di bangunan MITEC, di sini.

Majlis penyerahan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri diwakili Menteri, Datuk Seri Mustapa Mohamad, turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri

Najib Razak.

Terletak di lokasi strategik di Persiaran Dutamas di sini, MITEC dibina di kawasan seluas 1.5 juta kaki persegi. Ia adalah ruang pameran terbesar di negara ini dengan kemudahan 11 dewan yang boleh memuatkan sehingga 40,000 pengunjung pada satu-satu masa.

SM Nasarudin berkata, MITEC adalah komponen

pertama projek pembangunan KL Metropolis Naza TTDI seluas 30.2 hektar dengan nilai pembangunan kasar RM20 bilion.

MITEC turut menjadi antara lokasi kluster Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, akan menjadi tempat penganjuran sembilan acara pada temasya bermula 19 hingga 30 Ogos ini.

- BERNAMA